

30 JUL 1996

Port - Terusan

TERUSAN UTARA PELABUHAN KLANG AKAN DIPERALAMKAN

PELABUHAN KLANG, 30 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji kemungkinan mendalamkan Terusan Utara Pelabuhan Klang untuk memudahkan kapal-kapal besar masuk berlabuh, kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata kerajaan telah menggunakan perkhidmatan perunding untuk menjalankan kajian kemungkinan itu yang dijangka selesai dalam masa dua bulan lagi.

"Kita mungkin mendalamkan antara 5 hingga 6 meter lagi terusan utara yang kini dalamnya 11.3 meter untuk membolehkan kapal-kapal generasi keempat dan kelima masuk berlabuh," kata Ling kepada pemberita selepas merasmikan sesi dialog antara Pengurusan Pelabuhan Barat dan Dewan Perdagangan dan Perindustrian Jepun Malaysia (JACTIM) di Pusat Perdagangan Pelabuhan Barat di sini hari ini.

Turut hadir di majlis perasmian itu ialah Presiden Persatuan Pemungkah Kontena Malaysia (CHAM) Mirzan Mahathir, Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang Datuk Michael Chen, Pengarah Kastam Selangor Haji Ramli Mohd Salleh dan Presiden JACTIM, Encik Ikuo Miyamoto.

Sesi dialog itu bertujuan memupuk kerjasama erat antara pengendali Pelabuhan Barat, Klang Multi Terminal Sdn Bhd untuk menjadikan Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Klang keseluruhannya sebagai pusat pemunggahan dan perkapalan di rantau ini.

Kerajaan kini dalam proses mendalamkan Terusan Selatan daripada 11.2 meter kepada 15 meter untuk kemudahan kapal-kapal besar masuk berlabuh.

Ling berkata pelabuhan-pelabuhan Malaysia terutamanya Pelabuhan Klang telah melalui banyak perubahan dari segi infrastruktur, peralatan, kos dan prosedur sejak setahun lepas selaras dengan hasrat kerajaan menjadikannya lebih cergas, boleh dipercayai dan mementingkan pengguna.

Bagaimanapun beliau menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap sambutan anggota-anggota JACTIM yang masih menggunakan pelabuhan negara jiran untuk mengeksport barangan mereka.

"Kita boleh terima alasannya jika barangan yang diangkut itu adalah dari bahagian selatan negara ini seperti Pasir Gudang tetapi tidak dapat menerimnya jika barangan dari kawasan utara masih dibawa ke pelabuhan negara jiran," katanya.

JACTIM mempunyai 1,200 anggota terdiri daripada syarikat-syarikat Jepun di Malaysia.

Dalam ucapannya, Miyamoto berkata JACTIM akan memberikan sokongan penuh kepada Pelabuhan Klang terutama Pelabuhan Barat untuk mencapai hasrat kerajaan menjadikan Pelabuhan Klang pusat ekonomi di rantau ini. --BERNAMA

KM OBA